



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENGUKUHKAN PEGANGAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH"

27 Disember 2024 / 25 Jamadilakhir 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ^١ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّدِينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ^٢ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ^٣ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "**MENGUKUHKAN PEGANGAN AKIDAH AHLI SUNNAH WALJAMAAH**"

Firman Allah SWT, ayat 24 surah Ibrahim:

﴿أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةً طَيِّبَةً أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَقَرْعَهَا فِي السَّمَاءِ﴾

Bermaksud: Tidakkah kamu (Wahai Muhammad) memerhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan tentang kalimah yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya (menjulang) ke langit.

Akidah ialah perkara pertama yang dibawa oleh Rasulullah SAW untuk mengubah fahaman jahiliyah kepada keimanan terhadap Allah Yang Maha Esa. Keutamaan akidah Islam terserlah melalui ayat-ayat Makkiyyah yang diturunkan pada tiga belas tahun pertama kerasulan Nabi Muhammad SAW ketika berdakwah di Mekah. Seseorang yang rosak akidah boleh membawa kepada syirik dan gugur iman. Orang Islam yang dengan

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



sengaja merosakkan imannya atau menggugurkan akidah, dianggap melakukan jenayah berat, dan boleh dihukum melalui kesalahan jenayah murtad.

Ayat 24 surah Ibrahim yang khatib bacakan pada awal khutbah, menunjukkan perumpamaan iman dan akidah sebagai pohon yang baik, disifatkan sebagai akar yang menunjang jiwa Mukmin. Berdasarkan kepentingan pemeliharaan akidah, para ulama Ahli Sunah Waljamaah telah berusaha mengkaji nas-nas syarak daripada al-Quran, hadis Rasulullah SAW, dan sumber-sumber yang disepakati dalam Islam untuk membina manhaj, prinsip atau kaedah menerapkan perkara usul dalam akidah, seterusnya berbahas dan menjawab segala kekeliruan atau kesamaran dalam kalangan umat Islam.

Islam menekankan keutamaan memelihara dan kepentingan mengukuhkan akidah. Dalam Rukun Iman, asas utama akidah, ialah kepercayaan dan keyakinan hati kepada Allah SWT. Suntikan iman merupakan perkara terpenting, membezakan orang beriman dengan orang yang munafik atau zindik. Begitulah seterusnya siri kepercayaan hati dalam Rukun Iman. Proses pembelajaran atau mendalami ilmu agama (*tafaqquh fi al-din*) berupaya menambahkan iman, menjauhi syirik serta maksiat, sehingga umat Islam benar-benar tunduk dan taat pada perintah dan larangan Ilahi; kukuh akidahnya dan tidak mudah diselewengkan. Rukun Iman dijalinkan dengan Rukun Islam; jalinan penting untuk memastikan umat Islam memiliki akidah yang teguh untuk seterusnya melakukan pelbagai amal makruf. Akidah yang kukuh ialah asas penting dalam pembentukan keperibadian seorang insan Muslim. Tanpa akidah, seseorang akan menjadi rosak dengan kesesatan dan kekufuran, hidup tanpa pedoman *Ilahiyyah* dan boleh terjebak dengan perbuatan syirik.

Jemaah yang dilimpahi fadilat Ilahi,

Mengukuhkan akidah Ahli Sunnah Waljamaah melibatkan beberapa langkah penting.

Pertama: Keperluan berpegang kepada akidah majoriti umat Islam

Sabda Rasulullah SAW, riwayat Imam Ahmad dan Imam Ibnu Majah:

إِنَّ أُمَّيِّ لَا تَجْتَمِعُ عَلَى ضَلَالٍ فَإِذَا رَأَيْتُمْ اخْتِلَافًا فَعَلَيْكُمْ بِالسَّوَادِ الْأَعْظَمِ

Bermaksud: Sesungguhnya Umatku tidak akan bersepakat dalam perkara yang sesat; apabila kamu melihat perselisihan dalam fahaman, maka hendaklah kamu berada bersama kumpulan umat terbesar.



Yang dimaksudkan dengan *As-Sawad al-A'zam* ialah golongan terbesar atau majoriti umat Islam iaitu Ahli Sunah Waljamaah beraliran *Asya'irah* dan *Maturidiah*.

Imam al-Zubaidi berkata:

إِذَا أَطْلَقَ أَهْلُ السُّنَّةِ وَاجْمَاعَةِ فَالْمُرَادُ بِهِمْ الْأَشَاعِرَةُ وَالْمَاتُرِيدِيَّةُ

Bermaksud: Apabila disebut Ahli Sunah Waljamaah, maka yang dimaksudkan ialah golongan *Asya'irah* dan *Maturidiah*.

Akidah Ahli Sunah Waljamaah aliran *Asya'irah* dan *Maturidiah* merupakan aliran terbesar yang diikuti oleh 95 peratus umat Islam. Para ulama aliran ini sentiasa berusaha menerapkan dan memberi kefahaman kepada umat Islam berkaitan pendidikan akidah yang benar, akidah yang selari dengan al-Quran dan al-Hadis. Antaranya, penerapan akidah melalui pendekatan sifat dua puluh, telah berjaya melahirkan sejumlah besar umat Islam memenuhi tuntutan agama, berpandukan pemahaman yang benar dan sahih mengenai perkara usul dalam akidah.

Mereka juga berjaya membanteras serta menangani unsur-unsur penyelewengan dan pencemaran akidah daripada aliran-aliran yang terkeluar daripada akidah Ahli Sunah Waljamaah seperti *Muktazilah*, *Jabariah*, *Qadariah*, *Syiah*, *Mujassimah*, *Musyabbihah* dan aliran moden seperti sekularisme, komunisme, liberalisme, pluralisme dan seumpamanya.

Kedua: Menerapkan akidah kepada anak-anak sejak kecil: menjadi kewajipan ibu bapa untuk memberi pendidikan akidah kepada anak-anak; meliputi tiga perkara berkaitan Ilahiat; pertama: perkara-perkara berkaitan ketuhanan, iaitu sifat wajib, sifat mustahil dan sifat harus Allah SWT; kedua: berkaitan kenabian, iaitu perkara-perkara yang bersangkutan sifat wajib, sifat mustahil, sifat harus seseorang rasul; dan ketiga: *Sam'iyyat*, iaitu perkara-perkara yang disampaikan oleh Rasul untuk diimani oleh manusia seperti malaikat, dosa dan pahala, syurga dan neraka, himpunan di Padang Mahsyar, titian *Siratulmustakim*, azab kubur dan seumpamanya.

Ketiga: Melakukan amar makruf nahi mungkar: mendorong dan menggalakkan umat Islam melakukan kebajikan dan mencegah kemungkaran; menyebarkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan masyarakat; menolak perkara tasyul, khurafat



dan ajaran menyimpang; begitu juga menjauhi perkara-perkara mungkar yang mengundang kemurkaan Ilahi.

Keempat: Pengawasan terhadap ajaran sesat: pihak berkuasa dengan kerjasama masyarakat bersama-sama membendung ajaran yang menyimpang daripada akidah Ahli Sunnah Waljamaah, dengan mengenal pasti dan bertindak tegas terhadap ajaran yang menyeleweng, demi menjaga keharmonian pegangan umat Islam. Di negeri Perak pelbagai ajaran dan kumpulan yang difatwakan sesat dan menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Waljamaah seperti kumpulan al-Arqam, Syiah, Wahabiyah, liberalisme, pluralisme, perbuatan meletak ancak, ajaran Cahaya Qursani, ajaran Ayah Pin, fahaman Suhaini bin Mohamad, dan Ajaran Nur Hisham bin Alias (Allah Muhammad - Muhammad Allah, AMMA) dan seumpamanya.

Jemaah Rahimakumullah

Kesimpulannya, akidah yang benar ialah keyakinan yang lurus, suci dan murni berlandaskan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW, diwarisi daripada generasi ke generasi atas manhaj Ahli Sunnah Waljamaah. Akidah yang benar akan membimbang manusia mengenal Allah SWT, membentuk kelakuan dan sikap murni terutama dalam cara memahami agama serta insyaAllah akan memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ⁷.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمَيْنِ.

Ya Allah Ya Hadi!, anugerahkan kami ilmu yang bermanfaat, amal yang soleh serta teguhkan jiwa dan pendirian kami atas manhaj yang benar – manhaj yang ditinggalkan Rasulullah SAW. Lindungi kami dan zuriat kami dari kesesatan dan kesyirikan. Teguhkan hati kami atas persaudaraan akidah Islam sehingga kami kukuh bersatu, saling menghormati, juga saling membantu dalam perkara-perkara dunia dan akhirat.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِلَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ مَا مِنْ حِلٍ لِّرَبِّهِ عَنْهُ﴾
الْفَحْشَاءُ وَالْمُنْكَرُ وَالْبَغْيُ يَعِظُكُمْ لَعْلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ
وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.﴾